

Media Title : Kosmo  
Headline : Pesara jadi sasaran scammer  
Date : 14 January 2024  
Section : Negara!  
Page : 6



Bekas kakitangan awam, swasta rugi RM1.05 juta terpedaya pelaburan tidak wujud

## Pesara jadi sasaran scammer

**KANGAR** – Warga emas di negeri ini terutama pesara kerajaan dan swasta terus menjadi sasaran penipuan dalam talian oleh sindiket penipuan dengan mencatatkan kerugian RM1.05 juta tahun lalu.

Ketua Polis Perlis, Datuk Muhammad Abdul Halim berkata, sepanjang tahun lalu sebanyak 417 kes melibatkan pelbagai jenis jenayah komersial dicatatkan termasuk melibatkan urusan online dicatatkan sepanjang Januari hingga Disember.

Katanya, kesemuanya mencatatkan kerugian RM5.5 juta.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 31 kes melibatkan pesara kerajaan dan swasta dengan pinjaman tidak wujud (dua kes), pelaburan tidak wujud (11), *phone scam* dan lain-lain sebanyak 18 kes," katanya ketika ditemui pada program Gotong-royong Perdana Polis Bersama Masyarakat Perlis di sini semalam.

Tambah Muhammad, trend penipuan online turut berubah daripada *Macau Scam* kepada pelaburan tidak wujud menyasarkan pesara yang memiliki



**MUHAMMAD (tengah) bersama anggota dan pegawai polis kontinjen Perlis bergotong-royong membersihkan sebuah surau di Kangar semalam.**

jumlah simpanan yang tinggi.

"Trend pelaburan tidak wujud ini sering memperdaya

mangsa menawarkan pulangan lumayan dalam masa singkat bagi menarik perhatian mereka

di media sosial.

"Kebanyakan mangsa tertarik dengan, keuntungan dijanjikan

dan menyalurkan wang kepada sindiket. Apabila sampai tempoh ditetapkan, sindiket akan menghubungi mangsa bagi memaklumkan pelaburan dilakukan telah memberi pulangan, namun perlu sekali lagi membayar jumlah tertentu bagi mengeluarkan 'hasil' pelaburan mereka," ujarnya.

Tambahnya, berdasarkan rekod, seorang pesara kerugian kira-kira RM400,000 hasil simpanannya daripada beberapa akaun seperti Amanah Saham Nasional dan lain-lain akibat penipuan pelaburan tidak sah.

Justeru katanya, pesara perlu lebih berhati-hati agar tidak termakan janji keuntungan tinggi, selain perlu melakukan semakan bagi mengelakkan mengalami kerugian.

Dalam pada itu, Muhammad berkata, polis akan turun padang untuk memberi kesedaran kepada masyarakat melalui pelbagai program kemasyarakatan, bukan sahaja mengenai jenayah komersial, namun pelbagai jenayah lain dalam usaha memberantas aktiviti berkenaan.